

Mangsa pemerdagangan

21 wanita warga asing diselamatkan daripada sindiket pelacuran

■ NOOR AZURA SAHRIL

KUALA LUMPUR – Seramai 21 wanita warga asing berjaya diselamatkan daripada sindiket pelacuran dalam serbuan oleh Bahagian Perjudian, Kongsi Gelap dan Maksiat (D7), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman di sebuah premis urut tanpa lesen, di Seri Kembangan, pagi kelmarin.

Dalam serbuan itu, turut ditahan seorang lelaki tempatan yang dipercayai penjaga premis berumur 27 tahun dan seorang wanita warga Vietnam, 45, yang bertindak sebagai 'mummy' bagi premis yang menyediakan perkhidmatan urut bagi tujuan pelacuran.

Ketua Operasi, Inspektor Razali Md Kassim berkata, wanita yang diselamatkan berumur lingkungan 17 hingga 45 tahun terdiri daripada 19 warga Vietnam, Filipina dan Indonesia dipercayai bekerja sebagai tukang urut tanpa sebarang permit yang sah.

Menurutnya, premis tersebut telah setahun beroperasi dengan me-



Wanita warga asing yang berjaya ditahan dalam serbuan di premis urut, pagi kelmarin.

nyediakan perkhidmatan pelacuran melalui iklan di laman web tempatan secara aktif sejak sebulan lalu.

"Hasil maklumat orang awam serta risikan selama seminggu, polis berjaya merampas 432 keping kondom,

tiga tiub pelincir dan wang tunai sebanyak RM2,750 yang disyaki terlibat kegiatan pelacuran.

"Semua mangsa, tangkapan dan rampasan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Serdang untuk siasatan lanjut

dan kes disiasat di bawah Seksyen 12 dan Seksyen 14 Anti Pemerdagangan Orang 2007 (ATIP)," katanya.

Turut serta dibawa ke balai, lima pelanggan bagi membantu siasatan lanjut.